

TRANSFORMASI PENDIDIKAN

ATASI ISU KECICIRAN PELAJAR

Isu keciciran pelajar semakin meningkat dari semasa ke semasa sama ada pada peringkat sekolah rendah mahupun peringkat sekolah menengah. Isu ini sering menjadi perbincangan umum.

Terdapat dua pandangan mengenai keciciran pelajar, iaitu keciciran pendidikan dan keciciran pembelajaran. Kedua-dua ini mempunyai maksud yang berbeza kerana keciciran pendidikan merujuk pelajar yang tidak mendapat pendidikan sepenuhnya, manakala keciciran pembelajaran pula merujuk pelajar yang tidak dapat mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) ketika di dalam dan di luar bilik darjah.

Ekoran itu, pihak kerajaan terus komited dan berusaha dalam mengubah dan memperbaharui sistem pendidikan negara ke arah yang lebih sistematik dan dinamik bagi memastikan isu keciciran pelajar ini dapat dikurangkan. Transformasi terhadap sistem pendidikan negara perlulah disemak dan ditangani segera. Persoalannya, bagaimanakah transformasi pendidikan yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan dapat mengatasi isu keciciran pelajar di bandar dan luar bandar?

Antara transformasi pendidikan yang dijalankan oleh pihak kerajaan untuk mengurangkan kadar keciciran pelajar, termasuklah melalui pelaksanaan dasar pendidikan percuma. Dasar pendidikan percuma ini dilaksanakan oleh pihak kerajaan pada tahun 2012 hingga kini, iaitu dengan harapan kadar keciciran pelajar di luar bandar dapat dikurangkan.

Kerajaan telah melaksanakan dasar pendidikan secara percuma buat seluruh rakyat Malaysia, tetapi sasaran utamanya adalah kepada golongan B40 yang mempunyai pendapatan minimum kurang daripada RM4360 sebulan. Pendidikan percuma ini membabitkan pelajar daripada keluarga miskin tegar, golongan asnaf atau penempatan miskin bandar, luar bandar, pinggir bandar serta kanak-kanak bumiputera yang tinggal di kawasan pedalaman. Melalui dasar ini, pendidikan diberi secara percuma tanpa dikenakan bayaran yuran persekolahan.

Antara manfaat yang diperoleh daripada sistem pendidikan itu, termasuklah kemudahan biasiswa, bantuan awal persekolahan, Rancangan Makanan Tambahan (RMT), Skim Pinjaman Buku Teks Percuma dan sebagainya lagi. Melalui pelaksanaan dasar ini, alasan tidak menghantar anak-anak mereka ke sekolah mungkin dapat diatasi dengan berkesan. Hal ini dikatakan demikian kerana kebanyakan ibu bapa yang mempunyai masalah kewangan sering mengabaikan tanggungjawab mereka terhadap anak-anak. Mereka menjadikan masalah tersebut sebagai satu bebanan sehingga tidak memberikan hak pendidikan kepada anak-anak mereka. Oleh itu, ibu bapa juga perlulah diberi pendedahan serta mengambil

“Platform digital merupakan antara cara yang wajar digunakan pada zaman ini, kerana kebanyakan pelajar pada hari ini lebih gemar menghabiskan masa mereka melayari media sosial.”

sumber yang diperoleh, kebanyakan pelajar tidak berminat untuk ke sekolah disebabkan oleh kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru masih berorientasikan kaedah tradisional semata-mata sehingga menyebabkan mereka tidak tertarik dan hilang fokus untuk belajar. Situasi ini juga merupakan satu daripada faktor kepada peningkatan masalah disiplin pelajar seperti ponteng sekolah dan sebagainya lagi.

Oleh itu, para guru perlulah mencari pendekatan dan strategi PdP yang berkesan untuk menarik minat para pelajar. Guru juga perlu mengubah kaedah dan gaya pengajaran ke arah yang lebih kreatif sesuai dengan kemahuan dan kebolehan yang dimiliki oleh pelajar mereka. Antara kaedah PdP yang boleh digunakan untuk menarik minat pelajar, termasuklah dengan mengadakan aktiviti pembelajaran yang melibatkan penggunaan teknologi maklumat seperti aplikasi TikTok, Facebook dan sebagainya lagi dalam menyampaikan ilmu kepada pelajar.

Platform digital merupakan antara cara yang wajar digunakan pada zaman ini, kerana kebanyakan pelajar pada hari ini lebih gemar menghabiskan masa mereka melayari media sosial. Penghasilan video pengajaran yang kreatif dan menarik mampu merangsang minda pelajar terhadap aktiviti pembelajaran yang dilaksanakan oleh guru.

Kesannya, kaedah tersebut mampu menarik minat pelajar untuk hadir ke sekolah walaupun dalam skala yang kecil pada awalnya. Guru juga perlulah mengetahui kebolehan dan mengenal

berat mengenai perkara ini kerana dasar ini telah lama dilaksanakan oleh pihak kerajaan untuk membantu mereka.

Terdapat pelbagai bantuan yang diberi oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi memastikan setiap rakyat Malaysia mendapat pendidikan walaupun hanya pada peringkat sekolah rendah. Maka itu, program pendidikan percuma perlulah sentiasa dilaksanakan agar kadar keciciran pelajar di Malaysia dapat dikurangkan.

Selain itu, Program Perantisan Industri Menengah (PIMA) juga merupakan satu daripada transformasi dalam sistem pendidikan negara untuk mengurangkan masalah keciciran pelajar. PIMA merupakan program aliran kemahiran di sekolah menengah yang dilaksanakan melalui kerjasama antara Kementerian Pendidikan Malaysia dengan institusi latihan seperti Kolej Vokasional dan sebagainya lagi. Program PIMA ini dilaksanakan di sekolah menengah yang terpilih untuk pelajar lepasan tingkatan tiga yang kurang berminat dalam bidang akademik dan tempoh pengajiannya adalah selama dua tahun sahaja, iaitu tingkatan empat dan tingkatan lima, sama seperti sekolah biasa.

Inisiatif pelaksanaan program PIMA ini dapat mengurangkan kadar keciciran pembelajaran dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Hal ini demikian kerana kebanyakan pelajar sekolah menengah terutamanya pelajar yang berada di kelas belakang kurang menunjukkan minat terhadap bidang akademik, malahan mereka lebih tertumpu pada bidang kemahiran.

Oleh itu, para guru juga perlulah memainkan peranan penting dalam


memberikan pendedahan kepada pelajar. Sebagai contoh, pihak sekolah boleh mengadakan satu program khas iaitu dengan menjemput pihak yang berkaitan untuk memberikan penerangan kepada pelajar mengenai program PIMA ini. Lantaran itu, pelajar sekolah menengah yang lebih cenderung terhadap program kemahiran dan latihan industri akan dipujuk untuk menyertai program ini.

Melalui program PIMA ini juga akan mewujudkan lebih ramai lagi pelajar yang mempunyai latihan dalam bidang industri dan kemahiran. Perkara ini secara tidak langsung akan melahirkan lebih ramai tenaga kerja yang mahir di Malaysia kerana kebolehpasaran kerjaya bagi pelajar yang mempunyai sijil kemahiran dan latihan industri adalah tinggi setiap tahun.

Di samping itu, transformasi pendidikan yang mampu mengatasi masalah keciciran pelajar adalah dengan mempelbagaikan gaya dan cara pengajaran di dalam dan di luar bilik darjah. Hal ini disebabkan oleh strategi pengajaran yang menarik dan kreatif mampu menarik minat pelajar untuk ke sekolah. Berdasarkan



Program transformasi pendidikan diadakan bagi memastikan kadar keciciran pelajar di Malaysia dapat dikurangkan.



Peranan guru sangat penting dalam memperkenalkan kaedah dan aktiviti PdP yang sesuai untuk menarik perhatian pelajar.

tinggi ekoran daripada masalah kemiskinan, terutamanya pelajar yang tinggal di kawasan pedalaman, seperti Sabah dan Sarawak. Tidak dapat dinafikan bahawa terdapat banyak bantuan kewangan yang diberikan kepada pelajar, antaranya termasuklah bantuan daripada kerajaan negeri, Pinjaman Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), biasiswa KPM dan sebagainya lagi.

Sehubungan dengan itu, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) perlulah berganding bahu bersama-sama dengan badan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk memastikan pelajar yang miskin dapat melanjutkan pendidikan pada peringkat pengajian tinggi, sekali gus dapat mewujudkan lebih banyak modal insan yang mempunyai kepakaran dalam pelbagai bidang. Impaknya, Malaysia akan melahirkan lebih banyak tenaga pakar dan perkara ini akan menguntungkan pembangunan negara.

Kesimpulannya, terdapat banyak transformasi pendidikan yang telah dilaksanakan oleh kerajaan dalam memastikan isu keciciran pelajar di bandar dan luar bandar dapat dikurangkan. Transformasi yang dilaksanakan ini semestinya terdapat banyak kebaikan dan manfaatnya yang tersendiri apatah lagi kepada pelajar, masyarakat dan negara. Dengan adanya pelbagai perubahan dalam sistem pendidikan, diharapkan mutu pendidikan di negara kita semakin berkualiti dan berdaya saing sama seperti negara maju yang lain. Oleh itu, semua pihak seharusnya memainkan peranan masing-masing dalam memastikan isu keciciran pelajar ini dapat ditangani secara efektif. Isu keciciran pelajar bukanlah sesuatu yang baharu dan isu ini pada hakikatnya telah berlaku sejak beberapa tahun yang lalu. Perubahan dan pembaharuan perlulah sentiasa dikaji dan dijalankan agar hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FBK) dalam memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan modal insan yang seimbang dan harmonis dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek dapat dicapai. □

pasti gaya pembelajaran setiap pelajar mereka kerana kaedah pembelajaran bagi setiap individu adalah berbeza.

Dalam konteks ini, peranan guru sangat penting dalam membawa pendekatan kaedah dan aktiviti pengajaran yang sesuai agar dapat menjamin keberkesanan pembelajaran bagi setiap pelajar. Misalnya, pelajar yang memiliki gaya pembelajaran visual kebiasaannya lebih gemar terhadap huruf, gambar, teks dan benda-benda maujud untuk dijadikan sebagai bahan bantu pembelajaran mereka. Guru bolehlah melaksanakan kaedah pengajaran visual ketika di dalam bilik darjah untuk menarik fokus para pelajar. Apabila pelajar sudah menunjukkan minat terhadap aktiviti pembelajaran, mereka akan lebih bersemangat untuk ke sekolah.

Selanjutnya, transformasi pendidikan sebagai laluan ke arah sistem pendidikan yang lebih saksama, inklusif, relevan dan berdaya saing juga merupakan langkah yang dapat mengatasi masalah keciciran pelajar di Malaysia. Hal ini perlu dilakukan untuk memastikan perubahan dalam sistem pendidikan tidak hanya tertumpu kepada sekolah kebangsaan, tetapi merangkumi semua jenis sekolah termasuklah sekolah pendidikan khas.

Perkara ini sangat penting dibahaskan kerana semakin ramai pelajar yang kurang upaya (OKU) yang mempunyai masalah dalam pembelajaran tidak mendapat pendidikan yang sepenuhnya tidak seperti pelajar tipikal yang lain. Oleh itu, pihak KPM perlulah melaksanakan transformasi secara sama rata tanpa

mengabaikan hak mereka terhadap pendidikan.

Antara transformasi yang telah dilaksanakan oleh KPM, termasuklah Program Pendidikan Inklusif (PPI), yakni merupakan suatu program pendidikan bagi pelajar berkeperluan pendidikan khas untuk menjalani sesi persekolahan bersama-sama dengan pelajar normal yang lain di dalam satu bilik darjah yang sama. Tujuan pelaksanaan program ini adalah untuk meningkatkan penyertaan dan memberikan peluang kepada mereka mengikuti program akademik dan bukan akademik bersama-sama pelajar di arus perdana. Perkara ini secara tidak langsung dapat memberikan kesedaran kepada pelajar normal yang lain supaya tidak melakukan diskriminasi terhadap golongan tersebut.

Dalam hal ini, KPM giat memperkasakan pendidikan inklusif di Malaysia bagi memastikan isu keciciran pelajar berkeperluan khas dapat dikurangkan. Lantaran itu, kerajaan perlulah menyediakan lebih banyak kemudahan dan infrastruktur bagi memastikan golongan MBK ini dapat menjalani sesi PdP dengan berkesan sama seperti pelajar normal yang lain. Hal ini dikatakan demikian kerana, khidmat sokongan dari aspek kemudahan infrastruktur dan peralatan mampu memudahkan lagi proses PdP, sekali gus dapat menjamin keberkesanan PPI dalam mengatasi isu keciciran pelajar di Malaysia.

Berdasarkan beberapa laporan, didapati bahawa kebanyakan pelajar yang cemerlang dalam bidang akademik tidak dapat melanjutkan pelajaran pada peringkat pengajian